

## **IBS (2014):**

### **Berita Harian:**

PM IBS akan segerakan pembinaan rumah mampu milik - CIDB Abdul Halim Yusoff

SELASA, 14 OKTOBER 2014 @ 10:17

KUALA LUMPUR: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mahu bekerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan dan pemaju perumahan untuk meningkatkan penggunaan komponen Sistem Binaan Industri (IBS) membina 143,000 unit rumah mampu milik yang diumumkan dalam Bajet 2015. "Pembinaan sejumlah 143,000 rumah berkenaan, tidak akan tercapai tanpa penggunaan IBS kerana konsep pembuatan komponen binaan di kilang akan mengurangkan masa yang diambil untuk pembinaan, mengurangkan jumlah pekerja dan juga mampu mempertingkatkan kualiti pembinaan," kata Ketua Eksekutif, Datuk Seri Ir Dr Judin Abdul Karim dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, CIDB memuji langkah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang mengumumkan pembinaan sejumlah besar rumah mampu milik yang akan menangani isu pemilikan rumah. Dalam Bajet 2015, kerajaan mengumumkan pembinaan 80,000 unit rumah PR1MA, 26,000 rumah Program Perumahan Rakyat dan 12,000 Rumah Mesra Rakyat, 5,000 Rumah Idaman Rakyat dan 20,000 Rumah Aspirasi Rakyat di bawah SPNB. Beliau berkata, pengumuman mengenai beberapa projek pembangunan utama dalam Bajet 2015 akan memberi kesan positif kepada sektor pembinaan.

Perbelanjaan pembangunan sebanyak RM50.5 billion, iaitu peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding RM42.2 billion pada 2014 adalah strategi yang mampu menjana pembangunan ekonomi negara. "CIDB berharap semua projek pembangunan infrastruktur dan perumahan yang diumumkan akan dapat dilaksanakan pada tahun 2015. Ini akan dapat memastikan pertumbuhan sektor pembinaan dapat dikekalkan pada tahap dua digit seperti sebelumnya," katanya.

Sehubungan itu, Judin berkata, CIDB akan mempertingkatkan latihan dan akreditasi peserta sektor binaan pada tahun 2015 bagi memenuhi permintaan industri. Pada tahun 2015, CIDB merancang melatih seramai 30,000 pekerja binaan, 25,000 profesional dan 5,000 penyelia tapak bina serta memberi akreditasi kelayakan kepada 40,000 pekerja binaan di dalam pelbagai bidang.

Judin berkata, pihaknya juga berharap kerajaan akan turut memberikan insentif elaun modal perbelanjaan automasi pada bajet akan datang seperti yang diberikan kepada sektor perkilangan pada Bajet 2015. "Insentif itu akan menggalakkan pelaburan syarikat pembinaan di dalam mekanisasi dan automasi, justeru mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, dan seterusnya meningkatkan kadar produktiviti," katanya.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/11627>

## **Utusan Malaysia:**

### **Orang kuat IBS**

Noraini mengendali teknologi sistem binaan berindustri (IBS) di negara ini

OLEH MA RIATUL QATIAH ZAKARIA | 25 November 2014 10:15 PM

ORANGNYA cukup bersahaja malah penampilannya yang ringkas membuatkan ramai tidak menyangka bahawa dia merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengendali dan menggalakkan penggunaan teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) di negara ini. Cukup arif dan berpengalaman dalam bidang tersebut, wanita berhati waja ini juga tidak lelah dengan segala tugas yang telah diamanahkan padanya.

Ternyata bidang yang sebelum ini hanya dimonopoli golongan lelaki, kini mampu ditembusi wanita dan ia sudah dibuktikan oleh Ir. Noraini Bahri, 56. Terlibat dalam industri ini sejak 1997, Noraini dilihat secara mata kasar sebagai seorang wanita yang cukup dedikasi dan berpengalaman luas dalam bidang yang diceburi. Sememangnya merupakan orang lama dan arif mengenai teknologi IBS di negara ini, Noraini memberitahu, kerja yang dikendalinya hari ini bukanlah mudah.

Bahkan katanya, menyandang jawatan sebagai Pengurus Besar Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) merupakan satu tanggungjawab dan amanah cukup besar. Ini kerana, dia bertanggungjawab dan terlibat dalam semua perkara, tidak hanya mengendalikan satu-satu bahagian sahaja. “Seperti semua sedia maklum, IBS merupakan satu teknologi yang sinonim dengan sektor binaan tetapi ia tidak digunakan sepenuhnya di negara ini. “Jadi saya merupakan antara salah seorang yang terlibat dalam mengendalikan teknologi ini baik daripada segi latihan hinggalah kepada penilaian. “Apa yang pasti, kerjaya saya tidak hanya menjadikan saya seorang pekerja yang bekerja di dalam pejabat sahaja malah turut turun padang untuk bersama-sama melihat, meneliti, dan menilai segala kerja-kerja yang sedang dilakukan ataupun yang telah siap,” ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Cukup gembira dengan kerjaya yang disandang sejak sekian lama, Noraini tidak pernah menyesal dengan apa yang telah dilalui selama ini, malah dia amat berbangga kerana dapat bersama-sama berganding bahu dengan kaum Adam seterusnya melibatkan diri dalam bidang yang boleh dianggap ‘lasak’. Seperti individu-individu lain yang bekerjaya, waktu pejabat Noraini bermula pada pukul 8 pagi hingga 5 petang setiap hari dari Isnin hingga Jumaat. Namun, semua itu hanyalah waktu bertugas hakiki yang tercatat di atas kertas kerana hakikatnya dia biasanya akan bekerja melebihi waktu tersebut.

Hal ini terjadi kerana menurut ibu kepada dua orang cahaya mata ini, antara pukul 8 pagi hingga 5 petang dia akan menjalankan tugas-tugas di luar seperti bermesyuarat atau berjumpa dengan pelanggan, manakala masa sebelum pukul 8 pagi dan selepas pukul 5 petang akan diperuntukan untuk meneliti segala kerja-kerja harian yang memerlukan segala perhatiannya di dalam pejabat. Dalam hal ini, Noraini bernasib baik kerana dikelilingi oleh mereka yang cukup memahami kerjayanya yang disandang sebelum mendirikan rumah tangga lagi. “Alhamdulillah, suami dan anak-anak cukup memahami apa yang saya lakukan hari ini. Mereka bukan sahaja memberi sokongan padu untuk saya terus berada dalam bidang ini, malah mereka tulang belakang kepada kejayaan saya

hari ini. “Saya gembira dengan apa yang dilakukan pada hari ini dan saya akan terus berbakti selagi tenaga diperlukan,” katanya .

Diminta bercerita lanjut mengenai kerjaya yang dilihat cukup mengagumkan itu, Noraini memberitahu, selain perlu kreatif dan berinovasi, dia juga perlu mencari jalan penyelesaian untuk segala masalah yang timbul daripada teknologi IBS yang diguna pakai di negara ini. Pada masa yang sama, dia juga perlu memastikan sektor pembinaan hari ini mengguna pakai teknologi tersebut dalam setiap pembinaan yang dilakukan dalam usaha memendekkan tempoh pembinaan dan mengurangkan kos tenaga buruh sehingga 50 peratus jika dibandingkan dengan kaedah konvensional. Katanya lagi, IBS merupakan sistem pembinaan yang menggunakan teknik, produk, dan komponen yang disediakan di luar tapak dan dipasang di tapak binaan dan ia berintensifkan teknologi mekanisme dan automasi.

Pemegang Sarjana Perniagaan Pembinaan ini turut memberitahu, selain dilihat satu kerjaya yang penuh dengan cabaran, ia juga banyak memberi tekanan terutama sekali kepada pemikiran. Ini kerana, dia juga diberi tanggungjawab untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul daripada sistem tersebut, selain perlu ‘mencipta’ program baharu yang menjurus kepada keselamatan dan kesihatan. Malah ketika artikel ini disiarkan, Noraini telah berangkat ke Jepun dan akan berada di sana selama satu setengah bulan untuk belajar mengenai robotik, iaitu satu teknik baharu yang akan dibawa balik untuk digunakan di Malaysia. Ternyata kehadiran Noraini di dalam bidang ini amat dialu-alukan, malah penglibatannya dilihat mampu membantu menggalakkan wanita lain untuk turut sama berkecimpung dalam bidang ini.

<http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/orang-kuat-ibs-1.29033>

## Kaedah IBS jimat, cepat dan berkualiti

AMIZUL TUNIZAR DAN AHMAD TERMIZI | 23 November 2014 4:09 PM



SISTEM Binaan Berindustri (IBS) juga dikenali sebagai pembinaan pasang siap.

SISTEM Binaan Berindustri (IBS) juga dikenali sebagai pembinaan pasang siap bukan satu perkara baharu kerana teknologi itu digunakan secara meluas di negara-negara maju. Menerusi IBS, komponen-komponen binaan dihasilkan di kilang dalam persekitaran terkawal dan dihantar ke tapak pembinaan untuk dipasang menjadi struktur dengan tenaga kerja yang minimum.

Malah, di Malaysia sendiri, IBS telah diperkenalkan dalam industri pembinaan negara sekian lama iaitu bermula dengan projek perumahan Flat Pekeliling, Kuala Lumpur dan Flat Rifle Range Road atau Jalan Padang Tembak, Pulau Pinang pada 1966. Matlamat IBS diperkenalkan di negara ini adalah untuk meningkatkan kualiti bangunan dan kerja, mengurangkan penggunaan buruh asing di tapak projek serta mempercepatkan kerja pembinaan.

Pada masa ini, terdapat enam jenis IBS yang digunakan secara meluas di Malaysia iaitu sistem kerangka keluli, sistem kerangka kayu, sistem blok, sistem konkrit pratuang, sistem acuan dan sistem berinovatif lain. Berbanding cara konvensional, penggunaan sistem IBS menjanjikan penghasilan produk berkualiti tinggi dan meminimumkan pembaziran kerana produk yang dihasilkan di kilang telah melepasi standard yang ditetapkan.

Selain itu, penggunaan acuan kayu dihapuskan dan digantikan dengan sistem pasang siap yang lebih mudah serta sistem yang lebih sistematik. Dengan itu, projek dapat disiapkan lebih cepat kerana komponen pasang siap hanya mengambil masa singkat untuk disiapkan, di samping menjadikan tapak pembinaan lebih bersih dan selamat.

Manfaat paling besar sistem IBS ini ialah penggunaan tenaga buruh yang lebih rendah kerana kerja-kerja melepakan dan mengikat batu-bata tidak lagi dipraktikkan. Oleh itu, jika dilihat secara keseluruhannya, sistem IBS ini membolehkan kos pembinaan dikurangkan.

Antara rungutan yang paling banyak didengar mengenai sistem IBS ialah sistem itu tidak boleh digunakan dalam pembinaan di luar bandar dengan alasan jaringan perhubungan yang terbatas. Namun, ia tidak benar sama sekali. IBS bukan hanya melibatkan sistem konkrit pratuang, bahkan sistem itu termasuk sistem kerangka kayu, sistem kerangka besi dan sistem blok yang lebih mudah diangkut ke kawasan luar bandar. Malah, sistem pratuang juga masih boleh digunakan dalam projek pembinaan di luar bandar dengan menggunakan acuan yang telah sedia dibentuk di tapak pembinaan.

Menurut Pengurus Kanan Bahagian Teknologi (Pusat IBS) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Mohd. Idrus Din, IBS hanya memerlukan tujuh orang pekerja berbanding 40 orang pekerja diperlukan jika menggunakan kaedah konvensional. "Bagi memastikan sistem IBS digunakan secara meluas oleh syarikat pemaju, kerajaan mengeluarkan pekeliling mewajibkan semua projek pembinaan bangunan kerajaan bernilai RM10 juta ke atas menggunakan kaedah IBS dengan mendapat skor IBS sebanyak 70. Kita turut menggalakkan sektor swasta menggunakan IBS dalam projek pembinaan mereka," katanya. Menurut beliau, penerimaan sistem IBS dalam kalangan sektor swasta pada masa ini agak baik. "Berdasarkan kajian yang dijalankan, CIDB mendapati 46 peratus daripada 400 projek bangunan swasta di Lembah Klang menggunakan IBS dengan purata skor IBS sebanyak 55," katanya. Sehingga Oktober lalu, sebanyak 180 syarikat pengeluar komponen IBS tempatan telah berdaftar dengan CIDB melalui Pusat IBS.

Sementara itu, pembinaan sebanyak 576 unit rumah projek Perumahan Generasi Baharu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) di Wilayah Jengka, Pahang merupakan antara bukti sistem IBS mampu menyiapkan rumah dengan lebih cepat dan menjimatkan kos. Syarikat IHS Utara Sdn. Bhd. (IHS Utara) yang diberikan kepercayaan untuk melaksanakan projek bernilai RM66 juta di kawasan Jengka 1, 2, 11 dan Kota Gelanggi itu telah memulakan kerja-kerja pembinaan pada Jun 2013 dan projek itu dijangka siap dalam tempoh 18 bulan. Menurut Pegawai Kanan Operasi IHS Utara, Azhar Abdul Wahab, kaedah konvensional memerlukan masa selama 10 hari bagi menyiapkan seunit rumah, namun penggunaan IBS membolehkan pihaknya menyiapkan seunit rumah di Wilayah Jengka itu dalam tempoh sehari sahaja.

Katanya, ini kerana komponen-komponen utama dalam pembinaan rumah seperti dinding, tiang dan rasuk telah disiapkan di kilang terlebih dahulu. Ini bermakna, kerja-kerja di tapak binaan cuma perlu mencantum dan memasang komponen-komponen berkenaan. "Dari segi faktor penjimatan kos pula, penggunaan IBS itu membolehkan rumah tersebut dijual pada harga yang murah iaitu sekitar RM75,000 seunit berbanding anggaran harga RM140,000 seunit jika menggunakan kaedah konvensional," ujarnya. CIDB akan mempromosikan penggunaan kaedah IBS secara meluas dalam sektor pembinaan di negara ini menerusi IBS Roadmap 2011-2015. Roadmap itu akan dilaksanakan di bawah empat aliran kerja teras dengan memfokuskan kepada pengukuhan institusi, pengguna IBS, produk dan industri.

### **Pengukuhan Industri**

Matlamat pengukuhan industri ialah bagi memastikan komitmen kerajaan terhadap IBS diterjemahkan kepada tindakan oleh agensi-agensi berkaitan. Ia dilaksanakan menerusi tiga strategi iaitu mengukuhkan penyusunan institusi, meningkatkan proses membuat keputusan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Antara tindakan di bawah mengukuhkan penyusunan institusi ialah menubuhkan institusi yang lebih kuat seperti Organisasi IBS (IBSO) sebagai pemudah cara untuk menyelaraskan polisi dengan tujuh kementerian terbabit. IBSO akan membentuk hubungan kerja yang kukuh dengan pelbagai kementerian dan sektor swasta untuk mencapai objektif roadmap itu. Tugas organisasi itu termasuk memantau aspek pematuhan di peringkat bawah serta mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi sebarang halangan ketika pelaksanaan IBS di dalam sektor awam.

Bagi mempertingkatkan proses membuat keputusan, pengarah IBSO akan melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif CIDB bagi urusan pentadbiran dan melapor kepada ahli lembaga untuk urusan polisi. Antara tindakan yang digariskan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan ialah Pusat IBS akan dinaik taraf kepada IBSO, menjadikan ia sebagai Pusat Seheni IBS, mewujudkan forum maklum balas pelanggan, membuat kajian ke atas Pusat IBS dan keperluan tenaga kerja untuk IBSO.

### **Pengguna IBS**

Bagi mencapai objektif polisi untuk memperoleh daya saing dan produktiviti dalam tenaga buruh, pihak industri perlu memastikan ketersediaan tenaga kerja tempatan sama ada dalam kalangan profesional atau buruh yang mengamalkan IBS bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Cabaran yang dihadapi sekarang ialah kondisi dan bayaran kerja di tapak binaan tidak menarik minat tenaga kerja tempatan. Selain itu, tenaga kerja tempatan yang mahir dengan IBS terlalu sedikit sehingga menyebabkan pihak industri lebih berminat mengupah buruh asing yang dibayar pada harga murah dan mudah dilatih. Justeru, di bawah roadmap ini, tiga strategi dirangka iaitu meningkatkan kemahiran buruh sedia ada, menarik minat rakyat Malaysia bekerja di sektor pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing. Antara usaha yang dilakukan bagi meningkatkan kemahiran buruh sedia ada ialah menyediakan latihan IBS, menjalinkan kerjasama dengan industri bagi menggalakkan latihan pekerjaan berterusan dan memulakan latihan kepada profesional yang dapat menerapkan penggunaan inovatif IBS ke dalam reka bentuk bangunan.

Bagi menarik minat rakyat negara ini bekerja dalam sektor pembinaan, tiga tindakan akan diambil iaitu meningkatkan penekanan pada kolej latihan teknikal dan vokasional, memeriksa terma kerja dalam industri dan melaksanakan program perintis kepada pelatih IBS untuk tempoh kontrak tiga tahun selepas menamatkan pengajian.

### **Produk**

Tiga strategi digariskan di bawah teras kerja ini. Strategi pertama ialah meningkatkan ketersediaan produk IBS yang seragam dan melepasi kawalan kualiti. Ini penting bagi menjamin kualiti semua bangunan yang dibina menggunakan komponen IBS. Bagi mencapai objektif itu, syarikat pengeluar komponen IBS ada satu kaedah penghasilan komponen IBS yang seragam dan pengiktirafan ISO akan diberikan kepada syarikat berkenaan untuk menjamin kualiti produk.

Strategi kedua adalah untuk meyakinkan syarikat pemaju hartanah bahawa kaedah IBS berbaloi dari segi kualiti, harga dan nilai manakala strategi ketiga ialah merubah persepsi bahawa penggunaan IBS

menghalang kreativiti untuk menghasilkan bangunan dengan reka bentuk menarik dengan mempromosikan kaedah IBS yang tidak berdasarkan konkrit.

### Industri

Cabaran yang dihadapi sekarang ialah kemampuan syarikat pengeluar IBS untuk menyediakan produk keperluan industri pembinaan pada masa hadapan. Ini kerana sebahagian besar syarikat pengeluar komponen IBS merupakan kilang tunggal yang berhadapan dengan masalah kewangan. Selain itu, satu lagi masalah yang dihadapi oleh syarikat pengeluar komponen IBS ialah kemampuan untuk menarik dan mengekalkan jurureka dan pekerja IBS berkemahiran untuk industri pembuatan.

Sehubungan itu, syarikat pengeluar komponen IBS perlu diberikan nafas baharu. Antara tindakan yang dibuat ialah menubuhkan pasukan petugas bagi mengkaji secara proaktif proses pendaftaran dan mendaftar semua pengeluar IBS, memudahkan penubuhan sebuah forum pengilang atau persatuan IBS dan menjalankan penilaian kesediaan pengeluar komponen IBS. Di samping itu, pengeluar IBS yang mempunyai potensi akan dibantu dengan sokongan kewangan dan teknikal supaya mereka maju dari segi teknologi serta menggalakkan program penyelidikan dan pembangunan.

Fokus turut diberikan untuk melicinkan proses daripada kelulusan sehingga produk IBS tiba di tapak projek dan membantu projek siap dalam tempoh yang sepatutnya. Usaha juga akan dilakukan untuk melonjakkan penyertaan syarikat swasta. Ini termasuk meningkatkan wakil sektor swasta kepada separuh dalam Forum Perundingan IBS, selaras dengan keperluan untuk melonjakkan penyertaan sektor berkenaan. Dengan ini, forum yang diketuai oleh Kementerian Kerja Raya itu akan diwakili oleh kedua-dua sektor terlibat iaitu awam dan swasta. Usaha-usaha ini diharap dapat melahirkan industri pembuatan IBS yang teguh, inovatif dan membantu, akreditasi produk kualiti yang diiktiraf dan dengan standard yang baik, ketersediaan tenaga kerja yang mahir serta kemampuan membekalkan komponen IBS secara komersial.

<http://www.utusan.com.my/sains-teknologi/teknologi/kaedah-ibs-jimat-cepat-dan-berkualiti-1.28239>

### 5,000 unit rumah mampu milik bakal dibina - Ahmad

25 Ogos 2014 3:16 AM

GUA MUSANG 24 Ogos - Kerajaan Pas Kelantan yakin sasaran untuk membina 5,000 unit rumah mampu milik di negeri ini mampu dicapai dalam tempoh lima tahun. Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, pembinaan rumah terbabit nanti bakal membolehkan rakyat di negeri ini mampu memiliki kediaman sendiri. "Pembinaan rumah mampu milik itu adalah sebahagian usaha kita untuk menyelesaikan masalah generasi kedua di negeri ini yang mengalami kesukaran untuk memiliki kediaman. "Dengan harga serendah RM99,000 seunit, rumah yang dijangka siap pada 2019 itu mampu memenuhi keperluan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) dan Pembangunan Bercampur di Bandar Saujana Harmoni, Tanah Puteh di atas



tanah seluas 1,000 ekar, di sini kelmarin. Yang turut hadir, Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah dan Ketua Daerah Gua Musang, Nazran Mohamad. Menurut Ahmad, sebanyak 121 unit rumah mampu milik akan dibina selain beberapa kemudahan seperti pasar raya, masjid, stesen minyak serta kawasan rehat dan rawat. Tambah beliau, projek yang dikendalikan ML Synergy Sdn. Bhd. itu turut menggunakan teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang mana menggunakan kaedah pembinaan struktur boleh dikitar semula.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kelantan/5-000-unit-rumah-mampu-milik-bakal-dibina-ahmad-1.1186>

## **Kerajaan tangani kenaikan harga rumah**

### **Peluang rakyat miliki kediaman sendiri**

LAPORAN MD AZRIN ROSLY | 14 November 2014 12:39 AM

KUCHING 13 Nov. - Kerajaan negeri melaksanakan pelbagai langkah bersepadu untuk menangani isu kenaikan harga rumah di negeri ini. Menteri Muda Perumahan negeri, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah berkata, antara langkah diambil adalah dasar untuk mengawal harga bagi dua kategori rumah yang dibangunkan pemaju iaitu kos rendah dan sederhana rendah. "Dasar ini untuk memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah mereka sendiri. "Kita telah menetapkan siling harga rumah kos rendah pada RM50,400 (unit tengah) dan RM59,220 (unit tepi). Bagi rumah kos sederhana rendah pula, RM80,000 (unit tengah) dan RM100,000 (unit tepi),' katanya.

Beliau menjawab soalan David Wong Kee Woan (DAP-Pelawan) dan Ripin Lamat (BN-Lambir) berhubung usaha kerajaan menangani isu dan mengawal harga rumah pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak hari ini. Tambahnya, kerajaan juga telah meningkatkan bekalan rumah melalui pelaksanaan pelbagai projek dan program perumahan awam termasuk penyertaan swasta seperti Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR), Program Perumahan Rakyat (PPR) dan lain-lain. "Kita juga akan melaksanakan Skim Perumahan Belia pada tahun hadapan untuk membantu golongan muda memiliki rumah dengan menawarkan harga di bawah pasaran melalui subsidi kerajaan. "Selain itu, bank tanah juga di-tingkatkan untuk pembinaan rumah mampu milik di masa hadapan," jelasnya.

Beliau berkata, Kementerian Perumahan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menggunakan konsep Sistem Pembinaan Modular (IBS) yang mengurangkan kos pembinaan. "Strategi untuk menangani kenaikan harga rumah juga melibatkan pelaksanaan dasar fiskal dan kewangan di peringkat persekutuan," ujarnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/sarawak/kerajaan-tangani-kenaikan-harga-rumah-1.24271>



## Beri insentif untuk rumah mampu milik

OLEH NUR NAZLINA NADZARI EKONOMI@UTUSAN.COM.MY | 09 Oktober 2014 2:26 AM

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Pemaju hartanah MK Land Holdings Bhd., menyarankan kerajaan memberi insentif kepada pemaju bagi membolehkan mereka membina lebih banyak rumah mampu milik. Pengerusinya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata, kerajaan negeri terutamanya boleh menyediakan tanah milik mereka yang digazetkan untuk tujuan perumahan yang dibangunkan oleh pemaju.

Katanya, harga tanah tersebut haruslah dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga pasaran kerana harga rumah yang tinggi berpunca daripada harga tanah yang semakin meningkat dan kos tersebut terpaksa ditanggung oleh pembeli.

"Kerajaan perlu memberi penekanan kepada isu rumah mampu milik jika mereka serius mahu membantu isi rumah yang berpendapatan RM3,000 ke bawah untuk memiliki rumah. "Kami sanggup bekerjasama dan membantu menyediakan rumah mampu milik ini jika terdapat insentif yang disediakan. Jika kerajaan negeri dapat mengenal pasti tanah yang boleh dibangunkan maka kita boleh mengatasi isu rumah mampu milik bagi golongan sasaran itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyerahan unit kondominium blok B dan C Metropolitan Square di Damansara Perdana di sini hari ini. Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MK Land, Lau Shu Chuan dan Pengurus Besar Kanan Operasi Kumpulan MK Land, Zulkipli Sidin. Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai kenyataan kerajaan semalam bahawa sebanyak dua juta atau 28.7 peratus daripada tujuh juta isi rumah di negara ini masih dikategorikan sebagai miskin bandar dengan pendapatan di bawah paras RM3,000 sebulan.

Sementara itu, Mustapha Kamal berkata, pihaknya telah berjaya menyiapkan pembangunan blok B dan C Metropolitan Square dalam tempoh tiga bulan lebih awal daripada tarikh yang dijangkakan dan telah memiliki sijil layak menduduki (CF). Perkara tersebut dapat dilakukan kerana pihaknya telah menggunakan kaedah Sistem Binaan Industri (IBS) yang merupakan pendekatan baharu dan akan digunakan MK Land untuk pembangunan pada masa depan.

<http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/beri-insentif-untuk-rumah-mampu-milik-1.12046>

## Jambatan Bailey dipasang di Jalan Chukai-Air Putih

MUKHATAR A. RAHMAN | 22 Disember 2014 1:42 AM



SHAFII MOHAMAD (kanan) meninjau di Jalan Chukai-Air Putih yang terputus akibat hakisan banjir di Kemaman, Terengganu, semalam. – UTUSAN/MUKHATAR A. RAHMAN

KEMAMAN 21 Dis. – Pemasangan Jambatan Bailey akan mula dilakukan dalam beberapa hari lagi di Jalan Chukai-Air Putih berhampiran lombong bijih besi Bukit Machang Setahun yang terputus sejauh 30 meter, tiga hari lalu akibat hakisan.

Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri Terengganu, Datuk Shafii Mohamad berkata, pihak-nya telah meminta JKR Temerloh, Pahang memasang jambatan itu secepat mungkin agar boleh dilalui sebaik sahaja banjir yang kini masih menenggelamkan beberapa tempat di sepanjang jalan itu kembali surut. “Jambatan pasang siap ini dianggarkan sepanjang 50 meter dan kerja-kerja dijangka mengambil masa seminggu. “Kita akan pastikan pemasaan Jambatan Bailey ini disegerakan agar sebaik sahaja air surut, jambatan sudah tersedia untuk dilalui oleh orang ramai agar mereka tidak perlu lagi menggunakan lalu-an yang jauh,” katanya ketika meninjau lokasi kejadian hari ini.

Tinjauan di beberapa kawasan yang terjejas teruk akibat banjir dilakukan dengan menaiki trak tentera turut disertai Jurutera Daerah, Ir Hasmi Ahmad; Ketua Penolong Pegawai Daerah, Mohamad A.Rahman@Othman dan Penolong Pegawai Penerangan Daerah, Ane-ta Ahmad. Jalan selebar tujuh meter berkenaan runtuh akibat air yang bertakung di kawasan lombong bijih besi Bukit Machang Setahun, seterusnya menyebabkan berlaku hakisan.

Menurut beliau, pihaknya akan membuat cadangan kepada Kerajaan Pusat untuk melakukan baik pulih di laluan yang terputus ini dan memasang pembentung di kawasan yang musnah ini. “Jika pembinaan semula jalan itu dibuat nanti, JKR mungkin akan mengubah penjarangan kerana jarak jalan

dengan kawasan lombong bijih besi terlampau dekat. Shafii berkata, berdasarkan pengalaman banjir sebelum ini, JKR mengenal pasti 10 tempat di sepanjang laluan Jalan Chukai-Air Putih yang perlu dinaikkan aras jalan kerana sering tenggelam. “Projek fasa pertama menaikkan aras jalan di Jambatan Sungai Pinang sudah siap dan fasa kedua bakal menyusul tahun depan, melibatkan kerja menaikkan aras jalan di Paman sejauh 800 meter. “Kita pohon peruntukan untuk kesemua 10 tempat, namun mendapat kelulusan secara berperingkat,” ujarnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jambatan-bailey-dipasang-di-jalan-chukai-air-putih-1.39463>

## Rumah bercetak 3D di Malaysia pada 2050

OLEH AZMAN IBRAHIM (EKONOMI@UTUSAN.COM.MY) | 04 November 2014 12:49 AM



Contoh pemasangan rumah bercetak 3D di Shanghai, China yang diperkenalkan dengan harga berpatutan.

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Malaysia boleh menghasilkan rumah bercetak tiga dimensi (3D) yang pasang siap, moden, selamat dan harga berpatutan menjelang 2050 atau mungkin lebih awal lagi sekiranya kerajaan dan pengamal-pengamal industri serius dengan cadangan-cadangan sorotan teknologi daripada Akademi Sains Malaysia (ASM) bagi menghasilkan lebih banyak kediaman mampu milik di negara ini.

Ketua Pegawai Operasi ASM, Hazami Habib berkata, konsep rumah tersebut sudah dilaksanakan di Jepun dan di negara-negara maju yang terbukti tahan lasak, dapat menahan gempa bumi dan lengkap dengan ciri-ciri rumah idaman masa akan datang. Katanya, ASM turut mendapati pengenalan konsep rumah tersebut praktikal di negara ini yang menyaksikan pertumbuhan populasi penduduk meningkat setiap tahun. “Sektor perumahan merupakan satu daripada sektor yang dijalankan kajian ASM di bawah projek The Mega Science 2.0 manakala The Mega Science 1.0 bermula pada tahun 2009 dan hasil daripada kajian itu dibentangkan di mesyuarat Kabinet pada

Februari 2011. “ASM hanya boleh memberi cadangan kepada kerajaan dan juga kepada pengamal-pengamal industri mengenai hasil-hasil kajian yang diperoleh menerusi projek tersebut,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini hari ini,

ASM merupakan sebuah badan berkanun yang bernaung di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Siri kajian sains ASM bermula dengan The Mega Science 1.0 yang menelan perbelanjaan sebanyak RM2 juta dan ditanggung oleh ASM sendiri. Projek siri pertama itu mengkaji lima sektor iaitu air, tenaga, kesihatan, pertanian dan biodiversiti. Projek The Mega Science 2.0 pula meliputi kajian dalam sektor perumahan, infrastruktur, pengangkutan, elektrik dan elektronik serta alam sekitar yang baru sahaja selesai dijalankan.

Tambah Hazami, menjelang 2050 juga, harga rumah di negara ini dijangka lebih murah berbanding sekarang berikutan penggunaan inovasi sains dan teknologi menghasilkan peralatan dan bahan-bahan binaan yang lebih murah dan mudah diperoleh. Katanya, kajian turut mendapati Malaysia mampu menghasilkan kediaman yang lebih berpatutan dari segi nilai dan kualiti dengan menggunakan sains dan teknologi. “Agenda The Mega Science mengenal pasti aspek-aspek sains, teknologi dan inovasi yang akan melonjakkan pembangunan demi menjamin kelestarian hidup menjelang 2050,” ujarnya.

<http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/rumah-bercetak-3d-8232-di-malaysia-pada-2050-1.20394>



**Borneo Post:****SK Gersik pertama di Sarawak guna IBS bagi bangunan sekolah**

December 18, 2014, Thursday



LAWATAN: Dr Abdul Rahman (enam kanan) merakam kenangan bersama yang lain ketika lawatan ke tapak pembinaan SK Gersik, di Kuching, semalam.

KUCHING: Bangunan baharu Sekolah Kebangsaan (SK) Gersik dengan reka bentuk sistem 'Interlocking Bricks System' (IBS) atau Sistem Binaan Berindustri dijangka dapat digunakan pada Mac tahun depan. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai Dr Abdul Rahman Junaidi berkata, pembinaan tersebut merupakan yang pertama di Sarawak menggunakan reka bentuk berkonsep IBS untuk bangunan sekolah. "Bangunan baharu SK Gersik menjadi sekolah pertama di Sarawak yang menggunakan reka bentuk IBS kini sedang giat dibina serta dijangka akan siap sepenuhnya tidak lama lagi. "Malah, pembinaan yang menggunakan blok jitu termasuk blok konkrit ringan dan blok terkunci (batu bata 'interlock') itu dijangka boleh mula digunakan serta beroperasi mulai Mac 2015," katanya ketika melawat tapak pembinaan SK Gersik di sini, semalam.

Jelas beliau lagi, sistem IBS itu juga sejajar dengan proses evolusi dalam sistem binaan bagi menggantikan konsep konvensional, ujarnya. Namun, pembinaan tersebut yang sepatutnya siap lebih awal iaitu pada September tahun ini terpaksa mengalami kelewatan ekoran kawasan pembinaan yang berbukit, jelasnya. "Sistem IBS ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan tenaga buruh selain mempercepatkan pembinaan sesuatu bangunan sebanyak dua atau tiga kali

lebih cepat berbanding dengan pembinaan biasa. “Selain itu, ia juga berkualiti tinggi bagi bangunan sekolah serta reka bentuk yang menjamin keselesaan pelajar dan saya berharap agar kemudahan sekolah ini akan dapat digunakan segera,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2014/12/18/sk-gersik-pertama-di-sarawak-guna-ibs-bagi-bangunan-sekolah/#ixzz3nxoqJvHj>

## **Kontraktor Bumiputera Sabah, Sarawak dibantu**

December 7, 2014, Sunday

Oleh Sandy Mark Luna

KUCHING: Kontraktor Bumiputera dijangka tidak akan berhadapan dengan masalah mendapatkan bantuan modal lagi dalam melaksanakan projek-projek kerajaan apabila Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) mula diperluaskan ke Sabah dan Sarawak kelak.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, skim itu terbuka kepada kontraktor Gred G2 hingga Gred G5 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) yang memperoleh projek-projek kerajaan persekutuan.

Katanya pada tahun ini sahaja skim itu telah menyediakan nilai pinjaman berjumlah RM3.9 juta untuk melaksanakan projek kerajaan persekutuan. “Peruntukan sebanyak RM6 juta akan disalurkan ke SKWAK untuk pengagihan pinjaman pada tahun depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Himpunan IBS Bumiputera Kebangsaan 2014 selama dua hari yang dihadiri sekitar 250 kontraktor dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia bagi memperkukuhkan pemahaman dalam Sistem Binaan Berindustri (IBS) di sini, semalam.

Fadillah berkata kontraktor Gred G1 (kelas F) di seluruh negara boleh mula memohon pinjaman SKWAK bagi yang berjaya memperoleh projek-projek kerajaan persekutuan.

Beliau turut memberitahu, tempoh memproses permohonan kontraktor Gred G1 (kelas F) di bawah skim ini akan dipendekkan kepada 10 hari bekerja sahaja, berbeza dengan permohonan kontraktor Gred G2 hingga Gred G5 memandangkan kerja-kerja kontrak bagi kelas ini adalah singkat dan memerlukan bantuan kewangan modal secepat mungkin.

Penambahbaikan itu diramal dapat membantu kontraktor Gred G1 (kelas F) dari segi keperluan sumber kewangan dalam melaksanakan projek kerajaan persekutuan dan permohonan di bawah skim itu dijangka dibuka pada Januari 2015. Mana-mana kontraktor Bumiputera berminat boleh menghubungi pejabat BPKU di Sabah dan Sarawak atau berhubung terus dengan pihak ibu pejabat di Putrajaya.

Selain itu, Fadillah memberitahu bahawa program ‘outreach’ akan dilaksanakan khusus untuk kontraktor Bumiputera Sabah dan Sarawak dengan mewujudkan pusat hentian setempat di Miri dan Tawau, Sabah bagi meringankan beban kontraktor dari segi kos dan masa berulang-alik ke ibu negeri

masing-masing untuk mendapatkan perkhidmatan permohonan baharu dan permohonan pembaharuan taraf Bumiputera.

“Kita juga sedang membincangkan secara terperinci untuk mewujudkan pusat hentian setempat tambahan di kedua-dua negeri ini, mungkin satu lagi di wilayah tengah Sarawak iaitu di Sibul dan di Kudat, Sabah namun ia tertakluk kepada dana dan tempat,” katanya.

Fadillah berkata kementerian akan mengeluarkan satu ‘Blue Pages’ yang merangkumi direktori semua usahawan atau vendor berdaftar dengan BPKU namun hanya yang komited dan memenuhi kriteria BPKU sahaja yang akan disenaraikan dalam direktori tersebut.

“Adalah menjadi hasrat saya agar Blue Pages ini akan menjadi satu-satunya direktori yang akan diguna pakai sebagai sumber rujukan oleh semua pihak jabatan atau agensi kerajaan persekutuan,” katanya sambil menambah, pelancaran direktori itu dijangka dilakukan pada Januari tahun depan.

Fadillah dalam pada itu turut menyifatkan kadar penggunaan IBS dalam melaksanakan projek-projek kerajaan didapati masih di tahap yang rendah kerana berdasarkan Rolling Plan Ke-4, Rancangan Malaysia Ke-10, daripada 848 jumlah keseluruhan projek bangunan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya, hanya 161 projek atau 19 peratus daripadanya dilaksanakan secara IBS.

“Angka ini jelas menunjukkan masih banyak ruang penambahbaikan dalam usaha yang perlu diambil bagi membantu meningkatkan lagi pelaksanaan dan penggunaan IBS dalam projek-projek kerajaan pada masa akan datang,” katanya.

Setakat ini seramai 42 usahawan IBS Bumiputera di seluruh negara menyahut seruan kerajaan dalam membantu menjayakan pelaksanaan IBS dalam projek pembinaan. “Oleh yang demikian, adalah amat penting dan wajar bagi Kementerian Kerja Raya merangka usaha dan inisiatif efektif serta bersesuaian untuk membantu usahawan IBS Bumiputera dalam menjadi pengusaha IBS disegani serta menyumbang ke arah pembangunan industri IBS lestari dan mampan,” katanya.

Objektif pelaksanaan IBS itu adalah bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk pembinaan, mempercepatkan tempoh pembinaan serta seterusnya mengurangkan tahap kebergantungan kepada pekerja asing dalam industri pembinaan negara.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2014/12/07/kontraktor-bumiputera-sabah-sarawak-dibantu/#ixzz3nxse3qDB>



## SK Gersik guna sistem IBS akan siap sepenuhnya September ini

April 24, 2014, Thursday



SINAR BAHARU: Dr Abdul Rahman (tengah) ketika meninjau tapak pembinaan menggunakan reka bentuk konsep IBS bangunan baharu SK Gersik di Kuching, semalam.

KUCHING: Pembinaan bangunan baharu Sekolah Kebangsaan (SK) Gersik dengan reka bentuk secara Sistem Binaan Berindustri (IBS) dijangka siap sepenuhnya pada September tahun ini. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai Dr Abdul Rahman Junaidi berkata, projek tersebut merupakan pembinaan bangunan pertama di Sarawak yang menggunakan reka bentuk konsep IBS bagi bangunan sekolah. “Bangunan baharu SK Gersik yang sedang dibina ini dijangka akan siap sepenuhnya pada September ini dan ia menjadi sekolah pertama di Sarawak yang menggunakan reka bentuk IBS.

“Ia merujuk kepada penggunaan blok jitu termasuk blok konkrit ringan, blok terkunci (batu bata saling mengunci) dan seumpama-nya,” ujarnya ketika mempengerusikan mesyuarat perkembangan projek pembinaan SK Gersik di tapak projek bangunan sekolah baharu di sini, semalam. Dr Abdul Rahman berkata, murid-murid SK Gersik yang kini masih menggunakan bangunan di tapak sekolah lama boleh mula menggunakan bangunan baharu itu bermula Januari 2015.

Pelaksanaan projek perintis bagi bangunan baharu itu dimulakan pada 7 Mei 2012 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 15 September nanti. Projek yang menelan belanja RM13.3 juta itu merangkumi empat blok pentadbiran sekolah, kantin, bangunan prasekolah serta padang sekolah selain boleh memuatkan lebih daripada 360 murid di 12 buah kelas dari tahun satu hingga enam.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2014/04/24/sk-gersik-guna-sistem-ibs-akan-siap-sepenuhnya-september-ini/#ixzz3nxqzAtzS>